

SIARAN MEDIA

**UNTUK SIARAN SEGERA
TM. 155/2026**

20 JUN 2026

PANTAI TIMUR FEST EDISI 2026 BAWA KEUNIKAN KELANTAN, TERENGGANU DAN PAHANG KE IPOH

IPOH — Tourism Malaysia hari ini merasmikan penganjuran Pantai Timur Fest 2026, sebuah festival pelancongan yang menghimpunkan keunikan produk pelancongan, budaya, warisan dan gastronomi dari negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Festival tersebut berlangsung bermula 19 hingga 21 Jun 2026 di AEON Mall Kinta City, Ipoh.

Festival kali ini merupakan penganjuran kali kedua setelah kejayaan edisi sulung yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun lalu. Ipoh dipilih menjadi tuan rumah bagi edisi 2026 dengan tujuan memperluaskan capaian promosi pelancongan Pantai Timur kepada pasaran domestik yang lebih luas, bertepatan dengan kedudukannya sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negara serta pusat tumpuan pengunjung dari wilayah utara dan tengah Semenanjung Malaysia.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YBr. Encik Mohd Amirul Rizal Abdul Rahim, Ketua Pengarah Tourism Malaysia dan turut dihadiri oleh YB Tuan Loh Sze Yee, EXCO Kerajaan Negeri Perak; YB Datuk Razali bin Idris, EXCO Kerajaan Negeri Terengganu; YBr. Encik Muhammad Aminuddin bin Abdul Majid, Pengarah MOTAC Perak; YBr. Encik Suhaimi bin Abu Hassan Shari, Ketua Pegawai Eksekutif Tourism Perak; YM Dato' Tengku Mohd Arifin bin Tengku A. Rahman, Pengarah Tourism Terengganu; YBr. Encik Mohd Roslan bin Abdullah, Pengarah Kanan Bahagian Domestik & Acara, Tourism Malaysia; YBr. Encik Teck Soon Hing, Pengurus Pusat Membeli-belah AEON Mall Kinta City, wakil-wakil industri pelancongan serta para pempamer dari Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Encik Mohd Amirul Rizal Abdul Rahim, Ketua Pengarah Tourism Malaysia berkata: "Penganjuran Pantai Timur Fest 2026 selari dengan aspirasi Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) yang bertujuan memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan dunia. Pantai Timur Fest adalah salah satu platform promosi pelancongan yang berfungsi sebagai medium untuk memperkenalkan keunikan budaya, warisan, makanan tradisional dan produk pelancongan yang terdapat di Kelantan, Terengganu dan Pahang kepada semua pengunjung."

Pantai Timur Fest 2026 menghimpunkan 30 reruai pameran yang terdiri daripada pelbagai pengusaha industri pelancongan dari Kelantan, Terengganu dan Pahang. Penyertaan kali ini menampilkan agensi pelancongan, hotel, taman tema, pemilik produk pelancongan serta Online Travel Agent (OTA) yang menawarkan pelbagai produk dan pengalaman pelancongan menarik kepada para pengunjung.

Selain pameran produk pelancongan, festival ini turut menampilkan pelbagai aktiviti menarik termasuk persembahan kebudayaan, demonstrasi kraf tradisional, promosi makanan warisan, aktiviti interaktif serta pelbagai tawaran istimewa dan diskaun pakej pelancongan sempena Kempen Melawat Malaysia 2026.

Pada tahun 2025, sektor pelancongan domestik mencatatkan lonjakan positif sebanyak 21.3% dengan jumlah ketibaan pelawat 290.1 juta pelawat, berbanding 260.1 juta pada tahun 2024. Seiring dengan peningkatan itu, jumlah perbelanjaan pelancongan turut menyaksikan lonjakan sebanyak 13.3% dengan meraih RM121.0 bilion pada tahun 2025, berbanding RM106.7 bilion yang direkodkan pada tahun 2024.

Tourism Malaysia komited untuk terus bekerjasama dengan kerajaan negeri, pihak industri dan komuniti setempat dalam memperkasakan produk pelancongan yang mampan, inklusif dan berimpak tinggi kepada ekonomi rakyat. Usaha ini seterusnya diharap akan meningkatkan kesedaran serta minat rakyat Malaysia untuk meneroka destinasi-destinasi menarik di Kelantan, Terengganu dan Pahang, sekali gus merancakkan sektor pelancongan domestik. Orang ramai dijemput hadir sepanjang festival berlangsung untuk menikmati pelbagai aktiviti menarik, mendapatkan maklumat pelancongan terkini serta merebut peluang promosi dan tawaran eksklusif yang disediakan oleh para pempamer.

-TAMAT-

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akaun media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Nadia Hanim Muhamad @ Mansor

Timbalan Pengarah

Bahagian Domestik & Acara

nadiahanim@tourism.gov.my

Tel: +603 8891 8456

Norshariza Mohd Saad

Timbalan Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

norshariza@tourism.gov.my

Tel: +603 8891 8775

